

GARIS PANDUAN

TINDAKAN TATATERTIB KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAKMAL INBIOSIS (TTKKP)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan tindakan keatas salah laku dan kecuaiian yang boleh membahayakan pengguna di makmal dan kerosakan peralatan.

2.0 LATAR BELAKANG

Merujuk kepada minit mesyuarat pengurusan makmal Institut Biologi Sistem (INBIOSIS) 6/2021 bertarikh 09 September 2021 (Khamis), PIC makmal telah membangkitkan isu berkaitan kecuaiian dan salah laku yang dilakukan oleh pengguna makmal. Tindakan seperti denda tidak membenarkan pelaku datang ke makmal selama seminggu telah diambil keatas pelaku, walaubagaimanapun perkara yang sama tetap berulang. Ahli bercadang untuk mengetengahkan perkara ini bagi mewujudkan satu garis panduan yang boleh dilaksanakan untuk mengelakkan perkara ini dari berterusan. Selain daripada itu dapat meningkatkan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan keselamatan dan pengurusan di makmal.

Cadangan tindakan seterusnya telah dibincangkan pada mesyuarat pengurusan makmal Institut Biologi Sistem (INBIOSIS) 7/2021 bertarikh 22 November 2021 (Isnin). Garis panduan ini akan dijadikan rujukan akhir dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Makmal INBIOSIS

Rujuk Carta Organisasi Pengurusan Makmal dan JKKP INBIOSIS

3.2 Tanggungjawab AJK

PIC setiap makmal, AJK TTKKP dan JKKP INBIOSIS diberikan tanggungjawab untuk mengenal pasti, menyiasat, dan menentukan jenis salah laku yang dilakukan oleh pengguna makmal.

3.3 Contoh Salah laku Pengguna makmal

- 3.3.1 Tidak mematikan suis alatan yang digunakan
- 3.3.2 Tidak menutup pintu peti sejuk dengan sempurna
- 3.3.3 Tidak mencuci/mengemas peralatan makmal

- 3.3.4 Tidak mematikan penghawa dingin selepas digunakan
- 3.3.5 Membiarkan peralatan/kelengkapan/fasiliti tanpa pantauan
- 3.3.6 Tidak menulis rekod penggunaan alatan
- 3.3.7 Masuk ke makmal tanpa kelulusan
- 3.3.8 Membuat sepah di makmal
- 3.3.9 Tidak mengunci pintu makmal (bagi pengguna makmal lebih masa)
- 3.3.10 Tidak melaporkan kerosakan alatan makmal
- 3.3.11 Membuat aktiviti vandalisme
- 3.3.12 Menyalahgunakan kemudahan yang diberikan (contoh: duplikasi kunci makmal)
- 3.3.13 Membiarkan sample autoclave dan sisa autoclave melebihi tempoh yg ditetapkan PIC
- 3.3.14 Melanggar sebarang peraturan yang telah digariskan oleh pihak pengurusan makmal.

3.4 Jenis-Jenis Tindakan Salah laku

- 3.4.1 Memberi surat amaran
- 3.4.2 Tidak membenarkan pelajar masuk ke makmal bagi tempoh yang bersesuaian dengan kesalahan berdasarkan perbincangan dan budi bicara pengurusan makmal.
- 3.4.3 Sebarang tindakan yang dirasakan wajar atau bersesuaian.

4.0 Penilaian Salah laku dan Tindakan

Merujuk kepada perkara 3.2, PIC makmal/AJK TTKKP yang bertanggungjawab akan menilai jenis salah laku yang di buat, perbincangan akan dilakukan di antara PIC dan pihak pengurusan makmal atau sesiapa yang dirasakan terlibat, bagi membuat keputusan berkaitan tindakan yang patut diambil. Kesalahan, tindakan dan sebarang pemantauan susulan akan direkodkan menggunakan 'Borang Rekod Salah Laku Pengguna Makmal'.

Pemakluman bagi sebarang pelaksanaan akan di emailkan secara rasmi oleh PIC makmal berkenaan kepada pelaku, pengurus makmal, penyelia, dan pihak yang dirasakan wajar.


Semua rekod kesalahan akan dimasukkan ke dalam fail pelajar.

Sekiranya siasatan yang dijalankan tidak menemukan pelaku, PIC dan pihak makmal berhak untuk mengenakan tindakan kepada ahli makmal yang berkaitan.

Rujuk carta alir bagi proses kerja berkaitan perkara di atas pada lampiran.

5.0 Rumusan

Carta alir bagi proses kerja TTKKP



BORANG REKOD SALAH LAKU PENGGUNA MAKMAL

Nama:

No Matrik:

Tarikh/masa kejadian:

Kesalahan:

Tandatangan

.....

(*Untuk kegunaan pejabat)

Cadangan tindakan:

Ulasan:

Tandatangan PIC

.....